

Bajet Sejahterakan Seluruh Rakyat

Oleh JOHANNA AZREY SOBREY, SHAHRIL NIZAM ABDULLAH, YUNUS YAAKOB, MOHD. HAFIZI AHMAD, RASDAN AHMAD, NOR SYARIZA MUHD. TAHIR, HAIKAL RAMAN, MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR, NADIA SAIFUL BAHARI dan RIDZAUDDIN ROSLAN

Kerajaan bantu ringankan kos sara hidup ketika negara berdepan cabaran ekonomi global

Bajet 2017 sejahterakan rakyat

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam membentangkan Bajet 2017 yang menekankan perbelanjaan inklusif berhemat ke arah kesejahteraan kehidupan seluruh rakyat ketika mendepani cabaran ekonomi yang diuji ketidak-tentuan di peringkat global.

Berpaksikan tema Menjamin Perpaduan, Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Seluruh Rakyat, Najib yang juga Menteri Kewangan mengusulkan beberapa langkah dan strategi utama untuk menangani cabaran-cabaran itu.

“Bajet ini bukanlah digubal bagi kepentingan atau berlegar kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja, namun direkayasa, bersifat inklusif demi kesejahteraan rakyat seluruhnya,” kata Najib yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2017 di Dewan Rakyat di sini semalam.

Bajet 2017 mencadangkan sejumlah peruntukan RM260.8



NAJIB dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menunjukkan buku *Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017* selepas pembentangan Bajet 2017 di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam.

“Bajet ini bukanlah digubal bagi kepentingan atau berlegar kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja, namun direkayasa, bersifat inklusif demi kesejahteraan rakyat seluruhnya

NAJIB TUN RAZAK

Felera, Risda, pemandu teksi serta usahawan.

Ketika membentangkan bajet tersebut, Najib berkata, sesebuah kerajaan hanya akan dikategorikan sebagai bangkrap atau muflis sekiranya kerajaan tersebut tidak mampu membayar tanggungan hutang-hutangnya.

Menurutnya, antara tiga agensi penarafan antarabangsa berwibawa, Fitch memberi penarafan Malaysia dengan A- berbanding dengan Filipina (BBB-), Thailand (BBB+) dan Vietnam (BB-).

“Maknanya di sini, istilah muflis atau bankrap itu jauh sekali daripada kamus ekonomi Malaysia,” katanya.

Najib juga menyatakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kekal pada kadar enam peratus pada 2017. Terdahulu Rabu lalu, beliau mengumumkan kerajaan berjaya mengutip GST sebanyak RM30 bilion.

Perdana Menteri berkata, sebanyak RM10 bilion subsidi diperuntukkan dalam Bajet 2017 bagi meringankan kos sara hidup rakyat merangkumi subsidi bahan

INFO Tema Bajet Malaysia

- 2009** - Meningkatkan Daya Tahan Bagi Pertumbuhan Mampan dan Perkongsian Kemakmuran
- 2010** - 1Malaysia Kemakmuran Bersama
- 2011** - Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi
- 2012** - Membela Rakyat, Mensejahtera Negara, Sebuah Janji Ditepati
- 2013** - Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji
- 2014** - Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji
- 2015** - Ekonomi Keperluan Rakyat
- 2016** - Mensejahtera Kehidupan Rakyat
- 2017** - Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Seluruh Rakyat

INFO Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus: RM214.8 bilion

● Emolumen: RM77.4 bilion

bilion iaitu RM214.8 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Ketika membentangkan Bajet 2017 setebal 65 muka surat di Dewan Rakyat di sini, Perdana Menteri berkata, jumlah itu tidak termasuk simpanan luar jangka seba-

nyak RM2 bilion.

Menurutnya, kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mempertahankan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada purata enam peratus setahun.

Antara segmen yang

memperoleh manfaat dalam Bajet 2017 ialah penjawat awam yang kini jumlahnya mencecah 1.6 juta, penerima Bantuan Rakyat Malaysia, penduduk luar bandar, kumpulan nelayan, golongan muda, generasi kedua Felda,

api termasuk gas masamak, pampasan tol lebuh raya dan pengangkutan awam.

Sebelum mengakhiri pembentangan bajet, Najib menyatakan keyakinannya bahawa Barisan Nasional akan memperoleh kemenangan besar pada Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

Peruntukan rumah untuk penduduk B40

KUALA LUMPUR – Kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terus mendapat pembelaan dalam Bajet 2017 yang dibentangkan semalam menerusi pelbagai program dan inisiatif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antara inisiatif itu ialah MyBeautiful New Home yang diperuntukkan RM200 juta untuk pembinaan sebanyak 5,000 unit rumah berharga RM40,000 hingga RM50,000 seunit sebagai permulaan.

“Menariknya, kerajaan akan membiayai RM20,000 dan bakinya dibayar secara angsuran oleh pemilik.

“Syaratnya, rumah itu akan dibina di tanah milik sendiri, tanah yang telah mendapat kebenaran tuan tanah dan tanah kurniaan kerajaan negeri,” kata Najib yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2017 di Dewan Rakyat di sini semalam.

Kelompok isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah itu mempunyai pendapatan bulanan RM3,900 ke bawah.

Najib berkata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula akan membina



KERAJAAN memperuntukkan RM200 juta untuk pembinaan sebanyak 5,000 unit rumah berharga RM40,000 hingga RM50,000 seunit untuk kumpulan B40. – Gambar hiasan

sebanyak 9,850 unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat dan sebanyak RM134 juta disediakan untuk tujuan itu pada tahun hadapan.

Najib turut mengumumkan kerajaan akan melancarkan siri wacana nasional yang dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 yang akan dijenamakan sebagai TN50 selepas Bajet 2017.

Beliau berkata, TN50 itu akan menjangkau tiga dekad proses dan gerak kerja bagi membentuk sebuah negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda cemerlang.

“TN50, inilah azimat kita mulai kini. Biarlah legasi lama berlalu pergi. Harapan masa depan Malaysia kita baharui,” katanya.

- Perkhidmatan dan Bekalan: **RM32 bilion**
- Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap: **RM103.9 bilion**
- Pembelian Aset: **RM691 juta**
- Perbelanjaan lain-lain: **RM816.6 juta**

Perbelanjaan Pembangunan: **RM46 bilion**

- Ekonomi: **RM25.9 bilion**
- Sosial: **RM12.2 bilion**
- Sektor Keselamatan: **RM5.3 bilion**
- Sektor Pentadbiran Am: **RM2.5 bilion**

Jumlah Peruntukan Bajet 2017 - **RM260.8 bilion**

Jumlah Peruntukan Bajet 2016 - **RM267.2 bilion**